

16/09/2003

Pelajar UiTM lega faedah pinjaman dikurang

MAJLIS Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Teknologi Mara (UiTM) menganggap pengurangan kadar faedah pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) daripada empat kepada tiga peratus sebagai melegakan majoriti pelajar universiti itu.

Yang Dipertuanya, Saiful Azhar Shaharun, berkata pengurangan satu peratus memberi makna amat besar kepada hampir 100,000 pelajar UiTM, termasuk 40,000 di Kampus Induk Shah Alam.

Pelajar tahun kedua Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia itu berkata, kadar bayaran selepas tiga tahun bekerja juga meringankan bebanan graduan, terutama yang perlu menguruskan perbelanjaan lain lebih mendesak.

"Kebanyakan pelajar UiTM datang dari keluarga kurang berada atau sederhana. Oleh itu, langkah kerajaan mengurangkan kadar faedah dan tempoh bayaran balik seperti yang dibentangkan dalam Bajet 2004 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, melegakan majoriti pelajar UiTM.

"MPP UiTM menerima baik kadar faedah baru ini dan kita juga faham bahawa jumlah itu untuk menampung kos perkhidmatan bagi pinjaman selama tiga atau empat tahun.

"Pelajar universiti ini juga gembira kerana kerajaan melupuskan cukai jalan bagi motosikal kurang daripada 150 cc. Ini kerana motosikal adalah pengangkutan paling popular di kalangan pelajar," katanya di Shah Alam.